

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri)

TARIKH : 11 FEBRUARI 2018

M/S : 3



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN dan Noh Omar melancarkan Agenda Pembangunan Perumahan Sembrong (APPS) di Felcra Sungai 10, Paloh, Johor, semalam. Turut hadir Md. Jais Sarday. - MINGGUAN/ISHAK RAHMAD

Hipokrasi Mahathir ke Amerika

KLUANG 10 Feb. - Langkah Tun Dr. Mahathir Mohamad yang didakwa akan mengetuai kunjungan pembangkang ke Amerika Syarikat (AS) sebagai usaha menggulingkan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyerlahkan hipokrasi beliau.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tindakan itu sama sekali berbeza semasa Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu menjadi Perdana Menteri.

Menurutnya, perkara tersebut adalah sesuatu yang 'amat pantas' semasa Dr. Mahathir menyandang jawatan berkenaan selama 22 tahun.

"Saya masa itu Ketua Pemuda, saya tengok bila dia memimpin dan mereka tuduh bahawa pembangkang menjual maruah, meng-

gadaikan kedaulatan dan cuba meraih simpati kuasa-kuasa lain.

"Tetapi sekarang ini lain pulak, orang dapat lihat hipokrasi beliau dan apa yang Dr. Mahathir sanggup lakukan bila matlamat menghalalkan cara. Cakap tak serupa bikin," katanya ketika mengulas dakwaan bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mengenai rancangan pembangkang itu yang dijangka ke AS pada 20 Februari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan dan Ahli Parlimen Sembrong ditemui selepas melancarkan Agenda Pembangunan Perumahan Sembrong (APPS) di Felcra Sungai 10, Paloh, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Pengerusi Jawa-

tankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Md. Jais Sarday.

Dalam pada itu, Hishammuddin turut mendoakan kesihatan Dr. Mahathir yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) semalam.

"Kita doakan dia sembuh cepat sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14)," katanya.

Mengulas mengenai APPS, beliau berkata, sebanyak 2,000 unit rumah disasarkan siap dibina di kawasan Parlimen tersebut menjelang tahun 2021.

Katanya, APPS bertujuan meneliti perancangan pembangunan perumahan di kawasan itu supaya berada pada landasan tepat kerana agenda perumahan merupakan perkara yang cukup dekat dengan hati dan keperluan masyarakat Sembrong.